

Lawatan saya atas urusan kerajaan

Gus Dur

13

7 NOV 1999

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid hari ini menegaskan, urusan beliau di sini ialah dengan Kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memandangkan beliau kini ketua negara dan Kerajaan Indonesia masa kini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang memberitahu perkara itu berkata, Abdurrahman dan Dr. Mahathir turut mengesahkan, mereka berkongsi pandangan untuk tidak mencampuri urusan dalaman negara masing-masing demi memajukan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

“Gus Dur (Abdurrahman) menegaskan kepada Malaysia, beliau kini Presiden Indonesia dan beliau kini ketua Kerajaan Indonesia masa kini.

“Oleh itu, katanya, beliau tahu bagaimana beliau harus bertindak sebagai ketua negara dan kerajaan,” kata Syed Hamid dalam sidang akhbar lewat petang ini.

Sidang akhbar tersebut diadakan selepas Abdurrahman, yang sedang dalam rangka lawatan kerja singkat ke Malaysia, menerima kunjungan hormat Dr. Mahathir di sebuah hotel di sini petang ini.

Kedua-dua pemimpin mengadakan rundingan dua hala selama kira-kira sejam, yang membincangkan isu dua hala dan serantau.

Laporan agensi berita asing menyebut, Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail merancang untuk mengadakan pertemuan dengan Gus Dur pada malam ini sempena lawatan kurang sehari Presiden Indonesia itu.

Gus Dur, semasa belum berkuasa telah menyuarakan rasa simpati beliau terhadap nasib bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ditanya mengenai rancangan itu, Syed Hamid memberitahu, Gus Dur menegaskan bahawa urusan beliau (Abdurrahman) di sini ialah dengan Dr. Mahathir selaku rakan sejawatannya di Malaysia.

“Selain daripada itu, pertemuan lain menjadi tidak sesuai,” ujar Menteri Luar.

Semasa sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini tahun lepas, Wan Azizah telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Filipina, Joseph Estrada, yang sebelum itu telah menyatakan sokongan kepada Anwar, di bilik hotel Estrada.

Ditanya jika pertemuan itu berlaku, Syed Hamid menjelaskan, lawatan Gus Dur adalah bagi meningkatkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara dan pertemuan seperti itu tentulah tidak menepati matlamat tersebut.